

PENDIDIKAN ISLAM PEMANGKIN MODAL INSAN OKU MUSLIM

Izuli Dzulkifli

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Asmawati Suhid

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Modal insan yang seimbang dari aspek fizikal dan spiritual merupakan aset terpenting dalam pembangunan sesebuah negara. Dahulunya golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dianggap sebagai golongan yang tidak mampu menyumbang kepada pembangunan negara dan cuma mengharap belas ihsan semata-mata. Namun kini, pandangan tersebut tidak lagi relevan, bahkan golongan OKU tidak boleh ketinggalan dalam membangunkan negara walaupun mereka mengalami ketidakupayaan dari sudut fizikal dan pancaindera. Ketidakupayaan mereka tidak boleh disamakan seperti insan tipikal yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara melalui kemahiran fizikal dan intelektual. Justeru, kertas kerja ini memfokuskan aspek yang mampu dicapai oleh OKU Muslim untuk menjadi modal insan dalam pembangunan negara. Aspek utama yang perlu dibangunkan bagi menghasilkan modal insan OKU Muslim adalah aspek spiritual melalui Pendidikan Islam. Matlamat Pendidikan Islam bukan sahaja memupuk keimanan kepada Tuhan, bahkan membentuk akhlak, sikap serta nilai-nilai murni bagi OKU Muslim. Matlamat tersebut amat penting supaya mereka mampu mengharungi cabaran perkembangan dunia pada masa hadapan. Melalui pembangunan spiritual dan rohani, mereka akan bersemangat dan berusaha memajukan diri walaupun mengalami kepelbagaiannya ketidakupayaan. Sebagai langkah dan strategi untuk membangunkan modal insan OKU Muslim, seharusnya urus tadbir Pendidikan Islam bagi golongan tersebut perlu diperkisasikan. Penyesuaian kurikulum, penghasilan tenaga pengajar mahir, kebolehaksesan serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan perlu dipertingkatkan bagi memastikan matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi OKU Muslim tercapai.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Orang Kurang Upaya, Modal Insan.

Abstract

A balanced human capital from physical and spiritual aspects are the most important asset in the development of a country. Formerly the People with Disabilities (OKU) were considered as those who are unable to contribute to the development of country and merely expected help from others. But now, the view is no longer relevant, even people with disabilities cannot miss in developing countries even they experienced physical and sensory disabilities. Their disability cannot be likened to a typical human being capable of contributing to national development through physical and intellectual skills. Hence, this paper focuses on the aspect that Muslims OKU can achieve to be a human capital in the development of the country. The main aspect that needs to be developed to produce human capital is the spiritual aspects through Islamic Education. The goal of Islamic Education is not only to cultivate faith in God, but also to develop moral character, attitudes and values for the Muslims OKU. The goal is very important so that they are able to meet the challenges of world development in the future. Through spiritual development, they will always enthusiastic and seek to develop themselves despite of diversity in disabilities. As a measure and strategy to develop human capital of the Muslim OKU, it is supposed governance of Islamic Education for those groups need to be empowered. The curriculum adjustment, the production of skilled instructors, accessibility and research and development activities need to be enhanced to ensure the teaching and learning objectives of Islamic Education for Muslim OKUs are achieved.

Keywords: Islamic Education, People with Disabilities, Human Capital

Article Progress
Received: 10 October 2018
Revised: 22 November 2018
Accepted: 29 November 2018

1. PENDAHULUAN

Aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Aset ini boleh juga dinamakan sebagai modal insan yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat melahirkan sumber manusia yang terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi dengan

keperluan negara maju. Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Modal insan yang ingin dihasilkan bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang, bahkan mestilah diseimbangi dengan elemen spiritual ataupun kerohanian yang tinggi. Hal ini amat penting bagi menghadapi persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah dan penuh cabaran. Peranan pendidikan juga amat penting sebagai agen yang boleh membawa perubahan positif kepada pembangunan insan khususnya kepada golongan OKU Muslim. Pembangunan modal insan OKU Muslim yang bermula dengan pendidikan terutamanya Pendidikan Islam diharapkan dapat membentuk mereka untuk menguasai ilmu pengetahuan. Melalui pembentukan modal insan yang berpengetahuan dan seimbang dalam pelbagai aspek terutamanya aspek kerohanian merupakan senjata penting bagi mereka menghadapi cabaran hidup yang kian mencabar.

Akses Pendidikan Terhadap OKU

Akta OKU telah diluluskan di Parlimen (Dewan Negara) pada 24 Disember 2007 dan telah diwartakan pada 24 Januari 2008 serta dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008 (Undang-Undang Malaysia, Akta 685). Akta ini memberikan pengiktirafan hak OKU dan menukar konsep OKU daripada konsep kebijakan kepada konsep right-base. Akta ini membolehkan OKU mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam masyarakat setara dengan ahli masyarakat yang lain. Akta ini memperuntukkan perihal berkaitan pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang dipetik pada Artikel 1, menyatakan Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Orang kurang upaya (OKU) juga adalah seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan samaada dari segi fizikal atau mental samaada berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2008).

Golongan OKU ini, khususnya di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua kelompok masyarakat iaitu kelompok golongan kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak khas dan golongan istimewa dewasa dan warga tua. Kanak-kanak khas atau kanak-kanak istimewa ini boleh didefinisikan sebagai kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak normal dalam beberapa aspek. Antaranya adalah menerusi ciri-ciri keupayaan mental, sensori, keupayaan komunikasi, tingkah laku sosial ataupun ciri-ciri fizikal dan sebagainya (Jamila K.A. Mohamed, 2005). Golongan OKU ini juga boleh dikategorikan kepada dua kumpulan kecacatan yang utama iaitu ketidakupayaan kekal dan ketidakupayaan secara sementara. Kategori ketidakupayaan kekal adalah golongan cacat anggota, cacat pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal dan warga tua. Manakala individu yang cedera, sakit dan mengandung pula diletakkan di bawah kategori ketidakupayaan sementara (Ab. Aziz, 2009).

Suatu masa dahulu, golongan yang kurang upaya dianggap sebagai objek belas kasihan dan penerima sumbangan kebijakan yang pasif. Pandangan ini perlahan-perlahan diganti dengan pendekatan berdasarkan hak asasi manusia terhadap kekurangupayaan, yang menolak idea lapuk bahawa kecacatan adalah penghalang kepada penyertaan OKU berpunca terutamanya daripada kecacatan mereka. Sebaliknya, ia memfokuskan kepada penghapusan halangan yang direka oleh masyarakat yang menghalang OKU daripada menikmati hak asasi mereka secara sama rata dengan orang lain. Halangan-halangan tersebut termasuklah sikap yang negatif, polisi dan amalan berdiskriminasi dan persekitaran yang tertutup. Sejajar dengan pendekatan ini, kekurangupayaan dilihat sebagai masalah yang terbina oleh masyarakat dan berkaitan dengan menghapuskan halangan demi penyertaan sepenuhnya oleh golongan OKU.

Di dalam Akta Kurang Orang Kurang Upaya 2008 turut menyebut mengenai ‘Penggalakan Dan Pembangunan Kualiti Hidup Dan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya’. Bahagian tersebut menyatakan kebolehaksesan Orang Kurang Upaya termasuklah akses kepada pendidikan di mana Orang Kurang Upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas dasar ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas dasar kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Di samping itu juga kebolehaksesan tersebut menyatakan bahawa kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah, bagi membolehkan orang dan kanak-kanak kurang upaya melanjutkan pelajaran, menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai dengan keperluan orang dan kanak-kanak kurang upaya dari segi, antara lain; prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain yang memenuhi pelbagai keperluan orang atau kanak-kanak kurang upaya.

Matlamat Pendidikan Islam

Istilah “Pendidikan Islam” merupakan rangkai kata yang membawa makna yang sangat luas. Dalam ungkapan ini tersirat konsep, falsafah dan matlamatnya. Ini agak berbeza dengan kefahaman umum masyarakat hari ini yang menganggap Pendidikan Islam itu ialah Mata Pelajaran Agama Islam atau Pengetahuan Agama Islam di sekolah (Mohd Yusuf Ahmad, 2004). Manakala menurut al-Ghazali pula, Pendidikan Islam adalah sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak, dan tingkah laku. (Yusuf Qardhawi, 1980). Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa Pendidikan Islam adalah pendidikan yang mampu memperbaiki kehidupan manusia dan mewujudkan keseimbangan peribadi seseorang insan yang mempunyai ciri-ciri keimanan, akhlak dan ilmu.

Secara umumnya, matlamat akhir Pendidikan Islam mengikut pandangan pakar-pakar Pendidikan Islam dapat dirumuskan kepada 5 penjelasan. Matlamat yang pertama adalah untuk melahirkan manusia yang baik (Ibn Khaldun, 1962; Al-Attas, 1978; Nasir, 2002). Yang kedua pula adalah membawa kebaikan (Nasir, 2002). Yang ketiga adalah membentuk manusia yang sempurna peribadinya (El-Muhammady, 1987; Abdul Rahman, 1995). Yang keempat adalah untuk mengenali Penciptanya, alam dan dirinya (al-Syaibani, 1975; Zawawi, 1996). Dan yang kelima adalah mampu menyingkap hakikat dirinya, menerima keunggulan ayat-ayat Allah SWT dan membina sikap untuk melihat kehidupan daaripada kaca mata agama serta untuk membolehkan seseorang belajar membuka hatinya untuk menerima cahaya dan rahmat Allah SWT yang kekal abadi (Shaikh Abdul Mabud, 1999; Nasir, 2002).

Matlamat atau tujuan tersebut adalah seperti yang dipersetujui oleh tokoh-tokoh Pendidikan Islam dari seluruh dunia yang telah berhimpun pada The First World Conference on Muslim Education yang diadakan di Mekah pada 1977 (Mohd. Shuhaimi et al., 2013). Mereka telah bersetuju bahawa matlamat pendidikan dalam Islam adalah memberi tumpuan kepada hubungan antara Allah SWT dan manusia serta kepada pembangunan insan yang seimbang dan bersepadu. Tujuan umum Pendidikan telah dirumuskan sebagai:

Education should aim at the balance growth of the total personality of Man through the training of man's spirit, intellect, the rational self, feelings and bodily senses. Education, should therefore, cater for the growth of Man in all its aspects: spiritual, intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic, both individually and collectively, and motivate all these aspects towards goodness and the attainment of perfection. The ultimate aim of Muslim education lies the realization of complete submission to Allah on the level individual, the community and humanity at large.

Melalui kenyataan tersebut, bolehlah dikatakan bahawa Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang penting dalam membentuk generasi beriman, bertaqwa, berakhlaq mulia dan berketerampilan. Pendidikan Islam adalah amat perlu sebagai proses pengisian jiwa atau kerohanian bagi seseorang individu Muslim. Pendidikan ini perlu diterapkan pada peringkat awal lagi sebelum

seseorang individu sampai kepada peringkat yang cukup mencabar bagi memantapkan pegangan mereka dalam menjalani arus gelombang kehidupan dan tidak mudah terpengaruh dengan sifat-sifat negatif kesan daripada perubahan zaman. Ianya bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam iaitu mendidik pelajar agar dapat menguasai ilmu, amalan dan kemahiran dalam hidup yang telah ditetapkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam dapat menyumbang ke arah pembentukan diri muslim mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berakhhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertakwa.

Abdullah Ishak (1995) menyatakan untuk melahirkan generasi Islam yang unggul, perlu satu perancangan yang teliti melalui pendidikan yang utuh dan perlu bermula dengan sistem pendidikan yang diredhai Allah yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Dengan erti kata lain, pembangunan sumber manusia untuk melahirkan modal insan yang mengikut acuan Islam adalah melalui Pendidikan Islam. Pendidikan Islam mempunyai falsafah dan matlamat murninya yang tersendiri yang lebih menekankan pembangunan individu bukan sahaja dari aspek fizikal, tetapi juga aspek rohani dan akhlak yang bertujuan untuk membangunkan potensi dan kecenderungan ke arah kebaikan dalam diri seseorang yang akhirnya dapat merealisasikan kebaikan kepada orang lain.

Oleh yang demikian, melalui falsafah dan matlamat Pendidikan Islam yang telah dibincangkan, sewajarnya dikatakan bahawa setiap pembangunan insan termasuk bagi golongan Orang Kurang Upaya melalui ilmu pengetahuan adalah suatu tuntutan. Pembangunan modal insan bagi golongan OKU bukan sahaja dari sudut kemahiran dan perkembangan fizikalnya, bahkan yang lebih utama adalah pembangunan dari aspek spritualnya seperti beriman, berakhhlak, bertanggungjawab dan lain-lain lagi yang selari dengan pandangan hidup Islam.

Pembangunan Modal Insan

Modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai yang murni dan moral yang tinggi. Juga beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, mempunyai keluarga yang mantap berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, cekal, berintegrasi dan berdaya saing (Sargit Singh Gill, 2006).

Islam turut menekankan aspek pembangunan modal insan. Menurut Abdul Rahman (2006), apa yang dipentingkan dalam konteks pendekatan Islam ialah membangunkan keperibadian manusia seutuhnya selaras dengan bakat dan potensi yang dimiliki menerusi program pendidikan dan latihan. Penekanan yang diberikan ialah setiap manusia perlu dibangunkan dengan kekuatan spiritual untuk menggerakkan daya kerja yang tulus ikhlas, kekuatan minda untuk memikirkan tentang kerja yang lebih sistematik dan berdaya maju, kekuatan fizikal untuk melaksanakan kerja dengan sepenuh tenaga serta dipupuk dengan kesedaran dalaman, kesungguhan, disiplin dan visi masa hadapan yang jelas. Ini kerana manusia perlu dididik supaya mempunyai nilai dan harga diri, kepercayaan diri dan keutuhan diri untuk merangsang masa hadapan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Jadi, pembangunan insan boleh dimaksudkan bahawa manusia dibangunkan dengan sifat-sifat kemanusian sesuai dengan fitrah kejadiannya. Setiap manusia dijadikan dengan komposisi ataupun elemen yang serupa iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) bersesuaian dengan elemen yang ingin dicapai melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Pendidikan Islam menekankan bahawa ke empat-empat elemen tersebut mestilah dibangunkan secara bersepada. Pengabaian terhadap salah satu dari aspek di atas pasti menyebabkan berlakunya kepincangan di dalam masyarakat.

Di antara aspek pembangunan jasmani adalah pembangunan individu yang memiliki tubuh badan yang sihat, kemas dan segak. Manakala pembangunan emosi adalah penghasilan insan yang memiliki emosi seimbang dan stabil serta dapat disesuaikan mengikut keperluan masa dan keadaan. Pembangunan rohani pula adalah wujudnya manusia yang baik dalam ertikata yg luas iaitu hubungan dengan Allah SWT dan juga sesama manusia. Seterusnya pembangunan intelek boleh dirumuskan sebagai wujudnya individu yang memiliki kecerdikan, kecerdasan dan kewarasan akal. Keintelektualan yang tinggi ini amatlah diperlukan kerana dari sinilah akan lahirnya sifat berwawasan, dedikasi, inovatif, proaktif dan lain-lain yang amat diperlukan oleh dunia hari ini.

Keempat-empat elemen tersebut adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

2. PERBINCANGAN

Islam adalah agama yang amat mementingkan umatnya menuntut ilmu. Dengan menuntut ilmu melalui pembacaan dapat meningkatkan pengetahuan sesuai dengan pembangunan modal insan. Al-Quran telah memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan melalui pembacaan agar umat Islam terus belajar sepeleman tuntutan wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dalam firman Allah melalui Surah al-Alaq ayat 1-5 yang bermaksud:

Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Ayat ini memberi isyarat dan perintah yang amat jelas dalam bidang pendidikan di mana perkataan iqra' (bacalah) yang disebutkan berulang kali kepada Rasulullah SAW menegaskan supaya umat manusia belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Di samping itu juga, Allah telah menegaskan dalam Surah al-Zumar ayat 9 tentang perbezaan di antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu, melalui firmanNya yang bermaksud:

Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui Dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Dalam ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Allah memberikan penekanan yang cukup tinggi dalam pembangunan intelektual bagi membangunkan modal insan yang berakal, berfikiran dan berilmu pengetahuan.

Modal insan atau sumber manusia adalah aset terpenting kepada sesebuah organisasi atau sesebuah negara kerana jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada sumber manusianya. Begitu juga dengan kecemerlangan sesebuah organisasi adalah terletak pada aset utamanya iaitu modal insan. Oleh itu, pembangunan modal insan atau sumber manusia adalah antara agenda yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Berdasarkan kenyataan dan agenda tersebut, jelas menunjukkan bahawa penghasilan modal insan bukan sahaja teras utama untuk pembangunan negara. Tetapi apa yang lebih penting ialah modal insan yang ingin dihasilkan mestilah berkualiti dalam semua aspek kehidupan mereka baik dari segi pendidikan, tingkahlaku (moral), pekerjaan, cara berfikir dan bertindak, kesedaran sivik yang tinggi serta menyedari peranannya kepada negara, masyarakat dan agama. Ciri-ciri insan seperti ini dapat melahirkan modal insan yang menentukan maju atau mundurnya sesebuah negara.

Oleh itu adalah satu kemestian modal insan ini mempunyai aspek-aspek yang telah dibincangkan supaya kemajuan dan pembangunan yang dikehendaki oleh negara berterusan selama-lamanya. Golongan OKU Muslim perlu memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan, keimanan, akhlak, sikap dan kemahiran serta membudayakan semangat pendidikan sepanjang hayat. Namun, ilmu pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang dan kemahiran yang pelbagai belum tentu dapat

menjamin keutuhan kemajuan negara kerana pembangunan modal insan mestilah seimbang dengan kemantapan kekuatan rohani. Lebih tepat lagi pembangunan fizikal dan mental seharusnya seimbang dari aspek material dan spiritual.

Lebih-lebih lagi di era globalisasi ini, adalah penting bagi seseorang itu melengkapkan diri dengan menganuti sikap dan amalan yang secocok dengan pergolakan dunia moden iaitu ketelusan, kebijaksanaan dan ketahanan (Ismail Noor & Muhammad Azam, 2000). Keseimbangan dari segi kecerdasan intelek, kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual perlu ada kepada setiap manusia. Dengan adanya ketiga-tiga kecerdasan ini dapat membentuk sahsiah seseorang itu menjadi orang yang berguna pada diri sendiri, masyarakat dan negara. Oleh itu dalam RMK-9 tumpuan yang lebih besar diberikan kepada usaha membangunkan modal insan yang holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh. Pembangunan modal insan terutamanya terhadap golongan OKU perlu diutamakan melalui proses pendidikan kerana mereka juga memiliki hak untuk memajukan diri dan membantu dalam membangunkan negara sebagai warganegara yang bersikap dan beretika mulia.

Jadi, untuk melahirkan modal insan OKU Muslim yang mempunyai nilai moral dan etika yang utuh mestilah dibentuk melalui pendidikan. Pendidikan dan modal insan merupakan dua perkara yang saling bergantungan antara satu dengan lain. Ini kerana melalui pendidikan dapat melahirkan modal insan. Dan Pendidikan Islam adalah salah satu alat yang berkesan dan menjadi titik tolak kepada usaha ini.

Strategi Pembangunan Modal Insan OKU Muslim Melalui Pendidikan Islam

Dalam menghadapi cabaran untuk menghasilkan modal insan OKU Muslim, antara perkara penting yang perlu diutamakan ialah dari sudut tadbir urus Pendidikan Islam. Di antara tadbir urus yang perlu diberi perhatian adalah kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam haruslah dipertingkatkan melalui kurikulum yang sesuai, kemahiran tenaga pengajar, akses kepada pendidikan, penyelidikan dan pembangunan perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Kurikulum

Strategi, program dan projek yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat Pendidikan Islam adalah berkait dengan usaha menambah baik sistem pendidikan. Bagi memastikan pembangunan modal insan OKU Muslim yang menyeluruh terutamanya aspek kerohanian, penerapan sikap dan nilai sebagai seorang Muslim perlu disalurkan melalui sistem kurikulum yang sesuai dengan tahap kecerdasan minda mereka. Oleh itu, perkara utama yang perlu ditekankan adalah berkisar kepada langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti sistem kurikulum Pendidikan Islam di semua peringkat OKU Muslim bermula dari peringkat kanak-kanak sehingga dewasa. Kepelbagaiannya ketidakupayaan golongan OKU merupakan suatu cabaran bagi semua pihak terutamanya pihak kerajaan dalam membentuk kurikulum yang sesuai. Ini kerana, tiada satu pendekatan khusus dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh diterapkan kepada golongan tersebut. Maka, setiap pihak seperti penggubal kurikulum, pakar psikologi, guru, pendidik dan pihak yang terlibat perlulah bersama-sama membentuk kurikulum yang bersesuaian bagi golongan OKU pada setiap tahap pendidikan daripada kanak-kanak hingga dewasa.

Pengajar Mahir

Kelayakan serta kualiti tenaga pengajar yang diperlukan bagi golongan OKU Muslim ini menerima proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam perlu dipertingkatkan secara berterusan. Pengajaran guru yang berkesan amat penting bagi memastikan matlamat Pendidikan Islam tercapai bagi golongan OKU Muslim. Kemahiran insaniah atau soft skills di kalangan guru perlu dimiliki dan dipertingkatkan bagi menjamin keberkesanannya proses PdP. Guru bukan sahaja mempunyai kelayakan

dalam bidang Pendidikan Islam, bahkan guru perlu kepada kemahiran untuk menyalurkan ilmu tersebut. Bayangkan apabila seseorang guru ingin berkomunikasi dengan pelajar yang mengalami kekurangan daya pendengaran, tetapi guru tersebut tiada kemahiran berbahasa isyarat maka sudah tentu proses pengajaran dan pembelajaran terbantut dan ilmu tidak dapat disampaikan dengan sebaiknya. Jadi, seharusnya pengajaran yang berkesan memerlukan kepada kemahiran tertentu untuk menyampaikan Pendidikan Islam kepada golongan OKU Muslim. Bahkan sikap guru juga merupakan antara elemen penting yang berperanan untuk memastikan ilmu disampaikan kepada golongan OKU Muslim secara berkesan. Hal ini kerana, guru pasti menghadapi pelbagai karenah murid OKU di atas faktor perkembangan minda yang tidak seperti murid tipikal serta ciri-ciri khas murid OKU adalah berbeza. Sudah pasti sifat sabar, kasih sayang dan komitmen yang tinggi perlu ada bagi melengkapkan kualiti pengajaran guru Pendidikan Islam bagi golongan OKU.

Kebolehaksesan

Golongan OKU mempunyai hak untuk mendapat akses dalam pendidikan. Jaminan kepada akses dalam pendidikan merupakan salah satu kaedah utama untuk memperkasakan golongan OKU di Malaysia. Tidak seperti pelajar-pelajar lain yang tidak mempunyai masalah kurang keupayaan, pelajar OKU memerlukan persekitaran yang mesra OKU dan perkhidmatan sokongan bagi membantu mereka menjalani pengajian di setiap tahap pendidikan terutamanya di peringkat sekolah rendah melalui program Pendidikan Khas hingga ke peringkat pengajian tinggi dengan optima. Namun, masih terdapat kajian yang menunjukkan bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh sebahagian sekolah-sekolah di bawah Program Pendidikan Khas mahupun di peringkat universiti kurang memenuhi keperluan pelajar kurang upaya untuk mendapat akses pendidikan yang baik. Antara kebolehaksesan yang perlu diberi perhatian termasuklah prasarana fizikal, kemudahan pengangkutan, tempat tinggal, dan kemudahan mengakses maklumat. Terdapat sebahagian kemudahan akses untuk golongan pelajar kurang upaya di universiti masih lagi pada tahap kurang memuaskan dan tidak mesra OKU (Hasnah Toran et al., t.th). Oleh yang demikian, adalah menjadi setiap pihak yang terlibat bertanggungjawab untuk memenuhi hak sosial golongan OKU dengan menyediakan kemudahan, persekitaran mesra OKU dan penyaluran maklumat pendidikan yang berkesan kepada mereka supaya dapat menghasilkan modal insan yang berkualiti.

Penyelidikan dan Pembangunan

Penyelidikan dan pembangunan (*research and development*) merupakan salah satu usaha yang perlu dipergiatkan oleh golongan akademik terutamanya pengkaji yang mengkaji tentang pendidikan golongan OKU. Penyelidikan tersebut tidaklah setakat bidang kurikulum atau pengajaran, seharusnya kajian tersebut melibatkan bidang psikologi dan kesihatan supaya pembangunan modal insan OKU Muslim dapat dipertingkatkan secara holistik. Penyelidikan menyeluruh tersebut termasuklah keperluan dan kesesuaian bilik darjah, alat bantu mengajar, gaya pembelajaran yang sesuai dan juga intervensi awal. Dengan kemajuan teknologi dan maklumat, inovasi boleh membantu dalam penyelidikan bagi mengatasi halangan OKU Muslim yang mengalami ketidakupayaan sama ada penglihatan, pendengaran, fizikal dan masalah pembelajaran dalam mempelajari Pendidikan Islam. Penyelidikan dan pembangunan yang holistik ini mampu meningkatkan sistem Pendidikan Islam seterusnya membentuk modal insan OKU Muslim yang berkualiti sebagai sebuah aset negara.

3. KESIMPULAN

Golongan OKU Muslim tidak terkecuali daripada mendapat hak pendidikan di Malaysia. Bagi OKU Muslim, semestinya mereka berhak mendapat peluang untuk mempelajari Pendidikan Islam yang merupakan teras pembentukan individu Muslim. Melalui Pendidikan Islam, golongan OKU Muslim berpeluang untuk meningkatkan ilmu, memperkembangkan kemahiran sosial, memperolehi kelayakan akademik dan berpeluang untuk menjana minda mereka. Kesemua pengalaman ini adalah penting dalam usaha memperkasakan mereka sebagai modal insan yang berguna. Namun yang paling

penting Pendidikan Islam mampu meningkatkan daya serta pembangunan spiritual ataupun kerohanian mereka kerana perkembangan sudut fizikal mereka adalah terhad disebabkan kepelbagaiannya kekurangan ketidakupayaan yang mereka alami. Oleh yang demikian, strategi bagi memperkasakan Pendidikan Islam bagi OKU Muslim perlu dirancang dan disusun sebaiknya oleh setiap pihak yang terlibat supaya matlamat Pendidikan Islam terhadap golongan OKU Muslim tercapai. Dengan demikian, modal insan OKU Muslim dapat dihasilkan seterusnya menjadi aset negara yang bernilai.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Aziz Mohd Zin et al. 2009. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rahman b Ahmad. 2006. *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Alor Star: Human Resources Academy. Hlm: 12 – 13.
- Abdul Rahman Umdirah. 1995. *Membentuk Insan Kamil-Motivasi Pendidikan Islam (Terj.)*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1978. *Islam and Secularisme*. Kuala Lumpur.: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Al-Syaibani, Umar Muhammad al-Toumi. 1975. *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Libya: Al-Mansya'ah al-Sya'biyyah li al-Nasyr wa al-Tawzi' wa I'lam.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan. 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia (Edisi Ketiga).
- El-Muhammady, Muhammad Uthman. 1987. Islamic Solutions to the Spiritual and Moral Crisis of Present Day Society. *Jurnal Pendidikan Islam* 2 (5): 73-86.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Norasuzaini Sujak. T.th. *Sokongan Dan Halangan Yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. ISBN: 1985-5826. AJTLHE, Vol1, No 2, 18-29.
- Ibn Khaldun. 1962. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Terj. Pulau Pinang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Noor & Muhammad Azham, 2000. *Takkan Melayu Hilang Di Dunia*. Subang Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn.Bhd.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2008. "Bantulah dan Hormatilah OKU." Atas talian: <http://realitioku.blogspot.com/2008/01/bantulah-hormatilah-oku.html> (1 Januari 2009).
- Jamila K.A. Mohamed. 2005. *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*, Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Mohd. Shuhaimi bin Haji Ishak & Osman Chuah Abdullah. 2013. Islamic Education in Malaysia: A Study of History and Development. *Journal Religious Education*. Volume 108, Issue 3. Pages 298-311.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2002. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nasir Ahmad Abu Zariq. 2002. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuhu*. Amman, Jordan: Dar al-Bashir.
- Sargit Singh Gill. 2006. "Hubungan Etnik Di Malaysia Ke Arah Pembentukan Masyarakat Berintegrasi" dalam Dr. Zaid Ahmad, et al, *Hubungan Etnik*. Selangor: Oxford Fajar. Hlm. 20.
- Sargit Singh Gill. 2007. Dewan Masyarakat, Mac: 22-23.
- Shaikh Abdul Mabud. 1999. *Can Education be Destructive?* (Editorial). Muslim Education Quarterly 16 (2): 1-3.
- Undang-Undang Malaysia. Akta 685. Akta Orang Kurang Upaya. 2008.
- Yusuf Qardhawi. 1980. *Manhaj At-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hassan al-Banna*. Terj. Jakarta: Bulan Bintang.

Zawawi Haji Ahmad. 1996. *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.